

Untung Selepas Cukai Nestlé Naik 7.9% Pada TK2016

Umumkan Bayaran Dividen Tertinggi bagi TK2016

SOROTAN PENTING

- Perolehan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 mencatatkan pencapaian tertinggi, apabila meningkat 4.7% kepada RM5 bilion untuk kali pertama. Perniagaan domestik dan eksport mencatat pertumbuhan kukuh.
- Pertumbuhan dipacu oleh inovasi produk yang berterusan dan juga promosi pemasaran dan perdagangan yang kukuh.
- Untung Selepas Cukai meningkat sebanyak 7.9% kepada RM637 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.
- Aliran tunai selepas Pelaburan telah meningkat sebanyak 44%, didorong terutamanya oleh modal kerja yang lebih optimum.
- Dividen akhir RM1.30 sesaham dicadangkan, menjadikan jumlah dividen RM2.70 sesaham dibayar pada tahun dilaporkan.

PETALING JAYA, 28 Februari, 2017 – Nestlé (Malaysia) Berhad mencatatkan prestasi memberangsangkan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, dengan hasil dan keuntungan mantap untuk membolehkan Kumpulan sekali lagi mencapai pertumbuhan pada tahun yang dilaporkan.

Tinjauan Prestasi: Tahun Penuh 2016 berbanding Tahun Penuh 2015

Kumpulan mencapai mercu jaya baru apabila hasil mengatasi paras RM5 bilion, dengan Perolehan RM5.1 bilion pada tahun yang dilaporkan. Jumlah ini merupakan peningkatan 4.7% berbanding RM4.8 bilion pada tahun sebelumnya. Jualan domestik terus menjadi penyumbang utama, dengan mencatatkan pertumbuhan 3.3%. Prestasi

ini diterajui oleh inovasi produk berterusan yang dilaksanakan Kumpulan seiring dengan usaha promosi pemasaran dan perdagangan yang berjaya. Dalam pada itu, perniagaan eksport mencatatkan pertumbuhan kukuh dengan peningkatan 9.6%, lebih baik berbanding pencapaian mendatar pada tahun sebelumnya.

Untung Kasar bagi tahun yang dilaporkan meningkat 7.1% berasaskan Perolehan lebih tinggi, harga komoditi yang menggalakkan dan kecekapan operasi lebih tinggi di kilang dan rangkaian bekalan. Kumpulan melaburkan sebahagian daripada penjimatan kos ini dengan meningkatkan promosi pemasaran dan perdagangan serta pelancaran produk baru.

En. Alois Hofbauer, Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, “Kami gembira dapat mencatatkan prestasi kukuh pada tahun 2016 walaupun dalam suasana pasaran yang mencabar. Strategi kukuh membolehkan kami menjana pertumbuhan pada tahun yang dilaporkan. Strategi ini memacu ke hadapan sambil memberi tumpuan meningkatkan kecekapan dan mengukuhkan inovasi bagi memenuhi keperluan pengguna kami. Kami berbangga kerana telah memperkenalkan lebih banyak inovasi baru pada 2016, antara lain termasuk mesin NESCAFÉ Barista, Mi Goreng Perisa Kari MAGGI OatMee, Susu OMEGA PLUS dengan Oat, NESTLÉ BLISS GO dan aiskrim MILO.”

“Kami juga berjaya melaksanakan model perniagaan baru yang inovatif. Kami telah melancarkan KIT KAT Chocolatory pertama di Asia Tenggara dan terus mengembangkan perniagaan E-dagang kami. Secara terkumpul, usaha ini telah membolehkan kami mengukuhkan bahagian pasaran dalam kategori produk utama.”

Strategi pertumbuhan jangka panjang Kumpulan membolehkannya meningkatkan Untung Operasi sebanyak 5.1% kepada RM799 juta pada 2016. Untung Selepas Cukai meningkat sebanyak 7.9% kepada RM637 juta.

Tinjauan prestasi: Suku 4, 2016 berbanding Suku 4, 2015

Bagi suku keempat berakhir 31 Disember 2016, Kumpulan mencatatkan Perolehan lebih tinggi berjumlah RM1.25 juta, iaitu kenaikan 4.2% berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Jualan domestik mencatatkan pertumbuhan mantap dengan peningkatan 3.5% manakala perniagaan eksport berkembang sebanyak 6.4%.

Walaupun menghadapi kenaikan harga bagi sesetengah komoditi utama dan juga susut nilai Ringgit, kesannya diimbangi sejauh mungkin oleh Perolehan lebih kukuh dan juga tahap kecekapan dalaman yang lebih tinggi. Oleh yang demikian, Untung Kasar berjumlah RM458 juta dicatatkan, menyusut sedikit berbanding RM460 juta pada suku tahun yang sama tahun lepas.

Di sebalik Perolehan yang tinggi bagi Suku ke-4, 2016, keuntungan adalah lebih rendah kerana pelaburan terancang dalam pemasaran dan perniagaan yang lebih tinggi sebagai persediaan bagi Tahun Baru Cina yang lebih awal pada tahun 2017.

Dividen

Berasaskan prestasi Kumpulan yang kukuh, Lembaga Pengarah mencadangkan dividen akhir RM1.30 sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016. Selepas mengambil kira dividen interim, dividen keseluruhan dibayar bagi tahun yang dilaporkan berjumlah RM2.70 sesaham.

Pembayaran ini merupakan rekod tertinggi bagi Kumpulan, mewakili nisbah pembayaran 99.4% dan kenaikan 12.5% berbanding tahun sebelumnya.

Tinjauan

En Hofbauer menambah, "Tahun ini tetap mencabar bagi perniagaan kami. Komitmen kami untuk menjayakan strategi FIT akan terus memacu perkembangan kami. Tunggak utama '*Fuel to Grow*', '*Innovate to Grow*' dan '*Transform to Grow*' ("**FIT**") kini lebih relevan untuk menghadapi cabaran pada tahun 2017. Kami akan mengekalkan tumpuan untuk meningkatkan kecekapan di seluruh operasi kami. Penjimatan yang

diperolehi akan dilaburkan semula untuk menjana pertumbuhan mampan bagi Kumpulan menerusi inovasi dan pengubahsuaian produk, di samping promosi pengguna dan perdagangan.”

“Kami kekal komited terhadap pendekatan Menjana Nilai Bersama untuk memastikan Kumpulan terus mencatatkan prestasi kukuh, sambil menjana kesan positif dalam masyarakat. Kami akan terus memberi tumpuan terhadap aspek pemakanan dalam tawaran produk, sejajar dengan janji kami kepada rakyat Malaysia untuk menawarkan *Good Food, Good Life,*” rumus En. Hofbauer.

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé yang merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia serta merupakan peneraju Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan, beribu pejabat di Vevey, Switzerland. Sejak tahun 1866, Nestlé komited untuk menawarkan produk bermutu tinggi, lazat, selamat dan berkhasiat kepada para pengguna kami, sejajar dengan janji *Good Food, Good Life* kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak tahun 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna menerusi jenama dan produk berkualiti kami, serta komitmen untuk meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi. Di Nestlé, para pengguna kami merupakan nadi dalam segala yang kami lakukan. Kami memberi nikmat kepada para pengguna melalui tawaran produk yang mempunyai kualiti yang terbaik; sejajar dengan asal-usul kami di Switzerland sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Untuk maklumat lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

Untuk maklumat lanjut:

Maxine Lim

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 5185
+6012-353 1337

E-mel: Maxine.Lim@my.Nestle.com

Joanne Lim atau Yasmin Kadir

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348
+6012-304 7604 (Joanne) atau
+6017-237 9048 (Yasmin)

E-mel: acorncommunications@acornco.com.my